

26 NOV 1996

Kim-Kerjasama

BENTUK BARU KERJASAMA DUA HALA DICADANGKAN BAGI MALAYSIA DAN KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Korea Selatan mencadangkan supaya Malaysia dan negara itu mengadakan hubungan dua hala dalam bentuk yang baru dengan menembusi bersama negara-negara membangun bagi melaksanakan projek-projek pembangunan yang besar.

Presiden Korea Selatan, Kim Young Sam malam ini berkata beliau berminat mengadakan perbincangan yang serius mengenai kemungkinan ini dengan pemimpin-pemimpin Malaysia.

Kim yang tiba di sini, hari ini, kerana lawatan rasmi tiga hari berkata demikian di majlis santapan negara yang diadakan oleh Yang Dipertuan Agong Tuanku Ja'afar sebagai penghormatan kepada Kim di Istana Negara, di sini.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah dan isteri Kim, Son Myung Ja hadir bersama.

Turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapa yang juga Menteri Pengiring serta anggota-anggota Kabinet yang lain dan orang-orang kenamaan asing.

Kim berkata, dalam masa hubungan dua hala yang menunjukkan petanda yang baik, adalah penting bagi Korea Selatan dan Malaysia meningkatkan tahap kerjasama ke peringkat yang lebih tinggi.

Kim berkata, kedua-dua negara akan dapat menggunakan struktur-struktur industrinya dengan berkesan bukan sahaja dengan mengembangkan pelaburan dan perdagangan tetapi melalui kerjasama teknikal.

Beliau berkata, sejak kedua-dua negara mewujudkan hubungan diplomatik pada 1960, hubungan dua hala terus meningkat dengan tahun lepas sahaja perdagangan dua hala berjumlah AS\$5.5 bilion. Pelaburan oleh syarikat-syarikat Korea Selatan di Malaysia terus meningkat setiap tahun.

Beliau berkata, kerjasama dua hala dalam industri pembinaan adalah aktif dan Petronas Twin Tower, yang merupakan bangunan tertinggi di dunia merupakan simbol kerjasama antara kedua-dua negara.

Kim berharap lawatan beliau akan membuka lembaran baru kerjasama yang boleh membawa manfaat kepada kedua-dua negara. -- BERNAMA

ARA PR